

BAKTI MULIA

“EDISI KHAS PROFESIONKU”



PERSATUAN
PEMBANTU PERUBATAN
MALAYSIA
(PPPM)



*GACOPA 3rd International
Delegates and Scientific
Conference 2023*



Malaysia telah mencatat sejarah kerana telah berjaya menganjurkan Persidangan ke-3 Global Association of Clinical Officers and Physician Associates (GACOPA) dengan jayanya pada 21-24 Jun 2023. Persidangan yang telah dihadiri lebih dari 500 delegasi dari seluruh dunia ini telah diadakah di The Everly Putrajaya dan telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia.

Berita lanjut di dalam....

SIDANG PENGARANG



1

KETUA PENGARANG

- Hj. Mansor J.A Fenner @ Aziz

2

PENGARANG

- Dr Alias Mahmud
- Hj Mustafa Majid
- Hj Moideen Kutty Hasan
- Nurhan Norris Ma Weng Chuen
- Hj Zainul Rashid Abdul Salam
- Kamarul Aizan bin Abdul Rahman
- Mohd Hermansani Aminudin

3

GRAFIK/LAYOUT

- Muhammad Shahdan bin Abd Aziz
- Mohamad Syafuan bin Mohamad Tazuri

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Kata-kata Ahuan 3-6

- Ketua PPPM
- Presiden PPPM
- Presiden KKPPPSM
- Pengurus PPPS
- Presiden SUMA
- Presiden SAMOA

BAKTI MULIA: 238 Tahun

- Menabur Bakti Di Bumi Malaysia... 9
- Akta 180: Satu Perjuangan...10-12
- Sejarah Profesionalku...13-18
- Pendidikan Profesionalku ...19-23
- Swasta Profesionalku... 24-27
- Antarabangsa Profesionalku ... 28-31
- Perkembangan Profesionalku... 32-33
- Tokoh Profesionalku...34
- Pemimpin Profesionalku... 35-36
- Ikrar Profesionalku... 37
- Lagu profesionalku... 38

Tinta Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Malaysia Madani!

Alhamdulillah, Buletin Edisi Khas **PROFESIONKU-BAKTI MULIA-** ini berjaya diterbitkan dalam tempoh singkat. Buletin ini diterbitkan sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2024. Majlis Pelancaran Hari Pembantu Perubatan merupakan acara tahunan yang disambut pada 10 Mac setiap tahun bagi meraikan semua Pembantu Perubatan di seluruh negara.

Tahun ini tema Hari Pembantu Perubatan ialah **Bakti Mulia: Masyarakat Sejahtera Aspirasi Malaysia Madani**. Pemilihan tema ini mencerminkan kesungguhan serta pengorbanan Pembantu Perubatan sebagai barisan hadapan dalam sistem penjagaan kesihatan dengan memberikan perkhidmatan secara profesional bagi memastikan kesejahteraan masyarakat dan ini sebagai asas dalam pembentukan Malaysia Madani.

Buletin Edisi Khas yang julung-julung kali diadakan ini menyajikan banyak informasi dan fakta berkaitan dengan profesi Pembantu Perubatan termasuk Sejarah Profesional, Perkembangan Pendidikan Profesional serta Pengantarabangsaan Profesional dan lain-lain lagi. Buletin Edisi Khas ini mempunyai nilai Sejarah dan ia dapat memperkayakan lagi informasi berkaitan dengan profesi Pembantu Perubatan untuk rujukan generasi akan datang.

Terima kasih kepada semua pengarang dan para penyumbang yang membantu dalam penerbitan Buletin Edisi Khas ini. Mohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan. Sebarang maklum balas amat dialu-alukan.

Terima Kasih

Ketua Pengarang



Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktu dan Salam Sejahtera;



Saya merakamkan ucapan tahniah dan syabas buat warga Penolong Pegawai Perubatan khususnya sidang Redaksi Buletin yang telah berjaya menerbitkan Buletin PROFESIONKU Edisi Khas sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2024. Juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan penerbitan buletin ini.

Sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 dengan bertemakan "BAKTI MULIA, MASYARAKAT SEJAHTERA ASPIRASI MALAYSIA MADANI" adalah bertepatan dengan peranan Penolong Pegawai Perubatan sebagai *middle level care practitioner* yang sentiasa komited menyampaikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti agar masyarakat di Malaysia kekal sihat dan sejahtera seiring dengan aspirasi kerajaan Malaysia Madani.

Pelan Pembangunan Profesional Penolong Pegawai Perubatan (6P) menjadi tonggak utama untuk memacu anggota PPP supaya berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi dan mempunyai keperibadian terpuji agar profesion PPP sentiasa menyampaikan perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi kepada masyarakat secara berterusan.

Saya yakin Buletin ini dapat memperlihatkan solidariti, komitmen, usaha dan kegigihan dalam meneruskan legasi kegemilangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan. Semoga buletin ini dijadikan sebagai panduan bagi meningkatkan semangat cinta kepada profesion dalam kalangan ahli dan bagi yang lain ambillah peluang ini untuk mengenali Profesional PPP yang telah berada dilanskap kesihatan negara selama 238 tahun dahulu.

Akhir kata, saya menyeru semua warga Penolong Pegawai Perubatan untuk sama-sama menggembeling tenaga dengan penuh iltizam kearah mempertingkatkan penguasaan ilmu demi kegemilangan profesion. Saya berharap usaha murni ini mendapat memenuhi visi Kementerian Kesihatan Malaysia dan aspirasi mendepani cabaran serta perubahan dalam perkhidmatan kesihatan negara.

Sekian, terima kasih.

ZULHELMI BIN ABDULLAH



Presiden Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bagi pihak Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM), saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Pembantu Perubatan yang memberi peluang kepada saya menyampaikan sepatih dua kata sempena Hari Pembantu Perubatan 2024. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Sidang Ridaksi Buletin Edisi Khas sempena Sambutan Hari Pembantu Perubatan pada tahun ini.

Syukur kepada Allah swt di atas limpah kurnianya, para ahli Profesional dapat sekali lagi berkumpul menyambut Hari Pembantu Perubatan yang disambut pada 10 Mac setiap tahun, bermula dengan Majlis Pelancaran Sambutan di Peringkat Kebangsaan dan juga disambut seterusnya di peringkat Negeri-negeri seluruh Malaysia.

Tema sambutan tahun ini "BAKTI MULIA, MASYARAKAT SEJAHTERA, ASPIRASI MALAYSIA MADANI" diharap dapat memupuk jiwa profesional setiap ahli profesion, memberi perkhidmatan selaku pengamal kompeten, menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat menepati enam teras Malaysia Madani. (keMampanan, sejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan).

Anggota profesion Pembantu Perubatan yang merupakan 'mid-level Practitioners' harus bertekad terus menambah ilmu serta kemahiran melalui pendidikan berterusan di peringkat Diploma Lanjutan, Bachelors, Masters dan PhD, supaya masyarakat lebih yakin dengan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti disampaikan oleh para Pembantu Perubatan. Kesanggupan anggota Profesional sentiasa bersedia bertugas dalam apa jua situasi, memikul tanggungjawab mengutamakan perkhidmatan kepada rakyat secara jujur, ikhlas dan amanah serta berintegriti akan dipandang tinggi oleh masyarakat.

Usaha PPPM, dengan berganding bahu dan berkerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan memajukan profesion ke arah membawa pengamal profesion ke peringkat antarabangsa telah mula berhasil dengan beberapa Negara di Eropah dan Asia Barat menawarkan pekerjaan kepada ahli profesion Pembantu Perubatan. InsyaaAllah berkat disiplin, berilmu serta bersikap positif dan profesional, rakan-rakan yang telah berkhidmat di Negara-negara tersebut akan memangkin lebih ramai Pembantu Perubatan berpeluang mendapat tawaran berkhidmat di Negara-negara, yang sudah lama diidamkan.

Perjalanan Pembantu Perubatan mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan dalam usaha memperkasakan profesion yang mulia ini, sentiasa menjadi keutamaan PPPM. Justeru itu warga Pembantu Perubatan harus berusaha serta bertekad meletakan satu tanda aras yang boleh dibanggakan bagi memartabatkan profesion. Kerjasama yang jitu di antara semua pihak yang terlibat, Profesional Pembantu Perubatan akan terus maju ke tahap yang lebih cemerlang.

"BAKTI MULIA"

HAJI MUSTAFA BIN ABDUL MAJID



Presiden Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPPSM)



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya memegang amanat sebagai Presiden Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia, ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan atas pengabdian mereka yang tanpa jemu menjaga kesihatan rakyat. Pada ulang tahun Hari Pembantu Perubatan 2024 yang bersejarah ini, marilah kita menghayati sejarah dan pengorbanan anggota yang juga ahli terdahulu dengan mengenang jasa mereka yang sentiasa bersedia memberikan khidmat dan berjuang mewujudkan badan pendesak kesatuan ini. Kewujudan Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPPSM) ini sekaligus menjadikan profesion ini diantara tulang belakang kepada sistem kesihatan negara yang amat penting masa kini. Keberanian, dedikasi, dan pengorbanan mereka membuktikan peranan penting dalam mengukuhkan peranan dan juga tanggungjawab Pembantu Perubatan yang kini di gelar sebagai Penolong Pegawai Perubatan. Melalui usaha gigih badan kesatuan ini, kita telah dapat merasai kehangatan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan mewujudkan akta dan juga Lembaga Pembantu Perubatan itu sendiri untuk mentadbir urus profesion secara sistematik. Misi kesatuan sebagai entiti yang mengerakkan sebarang permohonan melibatkan kemajuan profesion dan kebajikan ahli tidak pernah di letak tepi. Kami sentiasa melihat isu-isu berbangkit sebagai perkara kritikal sekiranya ia boleh mengganggu emosi dan peranan kita sebagai Penolong Pegawai Perubatan di lapangan. Namun, setiap perkara mempunyai batas dan hadnya. Usaha, sabar dan tawakal adalah rahsia yang menunjukkan tingkat kematangan kita ketika menghadapi sebarang krisis.

Sebagai ahli Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia dan anggota Penolong Pegawai Perubatan, kita mesti terus bersatu dan menyokong satu sama lain. Kejayaan kita adalah hasil daripada kerjasama yang erat di antara semua badan berkepentingan bahkan individu yang menyumbang kepada kejayaan nama profesion. Saya berjanji untuk terus membela hak-hak dan kebajikan semua ahli, serta menyediakan platform bagi pembangunan profesional yang berterusan. Akhir sekali, saya menyeru kepada semua anggota dilapangan untuk menyertai kami sebagai satu kumpulan besar yang berjuang untuk kesejahteraan profesion. Kekuatan kita datang dari besarnya jumlah suara-suara ahli yang menjadi dokongan kepada aktiviti berkesatuan. Selamat Hari Pembantu Perubatan Malaysia 2024! Teruskan perjuangan dalam memberikan cahaya harapan kepada mereka yang memerlukan.

Terima kasih.

HAJI MOHD ZABIDI BIN MOHD TAHA (BKT, PJCM)



Pengerusi Persatuan Pembantu Perubatan Sabah (Association of Medical Assistant Sabah, AMAS)



Salam Damai Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Bersyukur kita dengan izin Tuhan, Warga Pembantu Perubatan atau Penolong Pegawai Perubatan sekali lagi akan menyambut Hari Pembantu Perubatan yang Ke-13 pada 10hb Mac ini bagi meraikan semua Pembantu Perubatan atau Penolong Pegawai Perubatan di seluruh negara. Pada tahun ini "Bakti Mulia, Masyarakat Sejahtera Aspirasi Malaysia Madani." telah diangkat sebagai tema Sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan 2024.

Warga Pembantu Perubatan seluruh Negeri Sabah juga akan sama-sama meraikan Hari Pembantu Perubatan ini melalui Persatuan Pembantu Perubatan Sabah (AMAS) sebagai persatuan yang mendokong, mendorong dan menyokong aktiviti-aktiviti pembantu perubatan atau penolong pegawai perubatan di sebelah sini. Selaku perwakilan AMAS kita amat berterima kasih diatas keterlibatan sama meraikan sambutan Hari Pembantu Perubatan Peringkat Kebangsaan ini dan ia merupakan penghormatan kepada rakan-rakan seprofesyen yang berkhidmat di Pulau Borneo bersama-sama dengan Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. AMAS juga akan dan sedang berusaha mengadakan sambutan Hari PP ini peringkat negeri termasuk setiap daerah serta pusat tanggungjawab mengikut kapasiti dan inisiatif masing-masing.

Kita yakin dan percaya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak berhenti dan terus memberi komitmen dalam menyokong usaha pemeriksaan peranan Pembantu Perubatan atau Penolong Pegawai Perubatan selari dengan kumpulan profesi kesihatan yang lain di dalam sistem penyampaian kesihatan di negara ini. Jasa dan pengorbanan warga Pembantu Perubatan atau Penolong Pegawai Perubatan sejak dahulu lagi serta semasa pandemik COVID-19 baru-baru ini akan sentiasa dihargai dan disanjungi samaada mereka yang berkhidmat di dalam ataupun luar KKM maupun rakan-rakan yang bertugas di sektor swasta ataupun yang sedang berkhidmat di luar negara.

AMAS juga akan sentiasa berjalan seiring dengan rakan-rakan persatuan dan kesatuan yang lain di tanah Semenanjung dan Bumi Sarawak serta kepimpinan tertinggi Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan agar terus memartabatkan profesi kita yang tercinta ini melalui inisiatif seperti Plan Pembangunan Profesional Penolong Pegawai Perubatan (6P), Inisiatif pelaksanaan pendaftaran Assistant Medical Officer Technical Expert (AMOTeX) dan Academy of Medical Assistants Malaysia (ACMA).

Akhir kata semoga profesi kita akan sentiasa berkembang maju, tetap relevan, berkarisma, melusuri bersama dalam ledakan teknologi semasa dan selari dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Malaysia Madani. Selamat Menyambut Hari Pembantu Perubatan.

Terima Kasih.

ADAM LAMAU



Presiden Kesatuan Pembantu Perubatan Sarawak (Sarawak Union of Medical Assistant, SUMA)



Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Kepada semua warga Penolong Pegawai Perubatan. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan perhargaan saya di atas peluang yang diberikan untuk mewakili warga Kesatuan Pembantu Perubatan Sarawak menyampaikan sepatah dua kata di hari yang sangat bermakna bagi profesion Penolong Pegawai Perubatan di Malaysia.

Tarikh 10 Mac setiap tahun merupakan tarikh bersejarah bagi profesion Pembantu Perubatan dimana tarikh tersebut telah diwartakan oleh Kerajaan sebagai sambutan hari Pembantu Perubatan. Bertepatan dengan tema tahun ini iaitu "Bakti Mulia, Masyarakat Sejahtera Aspirasi Malaysia Madani" sangat bersesuaian dengan perkembangan kesihatan untuk mereformasi sistem kesihatan negara bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat. Tidak dapat dinafikan banyak kejayaan yang telah dicapai oleh Penolong Pegawai Perubatan dalam mencapai tahap kesihatan yang baik, namun sistem kesihatan sekarang berhadapan dengan cabaran yang baharu untuk kita bersedia dengan setiap perubahan dan teknologi baru.

Tahniah kepada Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia dan rakan – rakan di cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM serta Kesatuan dan Persatuan di Malaysia yang berjaya dalam pengajuran sambutan hari Pembantu Perubatan peringkat kebangsaan 2024. Kesatuan Pembantu Perubatan Sarawak sentiasa menyokong penuh matlamat dan dasar yang di dokong oleh Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia.

Sekali lagi saya mewakili warga Kesatuan Pembantu Perubatan Sarawak ingin mengucapkan selamat hari Pembantu Perubatan 2024 dengan tema "Bakti Mulia, Masyarakat Sejahtera Aspirasi Malaysia Madani" kepada semua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

MAURICE MEDAN ANAK CELESTINE ANJAN



Presiden Persatuan Penolong Pegawai Perubatan Sarawak (Sarawak Assistant Medical Officer Association, SAMOA)



Salam damai sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Hari Pembantu Perubatan Tahun 2024. Setinggi ucapan terima kasih, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mencoretkan sepathah dua kata dalam buletin edisi khas ini.

“Bakti Mulia, Profesjon Diperkasa, Aspirasi Malaysia Madani” sebagai Tema Sambutan Hari Pembantu Perubatan 2024 adalah amat bertepatan sekali dengan aspirasi serta cita-cita Malaysia Madani yang sentiasa dahagakan bakti mulia, perkhidmatan kesihatan berkualiti tinggi serta perkasa dari segenap warga Penolong Pegawai Perubatan, untuk terus bersemangat waja, tanpa mengenal penat lelah bagi meningkatkan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Untuk itu, kami dalam persatuan sentiasa komited untuk mendokong serta menyokong dengan penuh ilitzam sebarang usaha Ketua Penolong Pegawai Perubatan Malaysia, sebagai Ketua Profesjon dalam mengangkat dan menjulang darjat profesion ke persada yang lebih tinggi sehingga dikenali di jagat raya. Akhir sekali, Selamat Menyambut Hari Pembantu Perubatan 2024 kepada seluruh warga Penolong Pegawai Perubatan walau di mana jua berada.

Terima Kasih.

BETI ANAK INKA



BAKTI MULIA: 238 TAHUN MENABUR BAKTI DI BUMI MALAYSIA

Profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) atau dikenali sebagai Pembantu Perubatan merupakan antara profesion kesihatan tertua di negara ini. Kajian oleh Noraini (2017) menunjukkan profesion ini sudah bertapak di negara ini sejak lebih 230 tahun lalu apabila dua orang pembantu perubatan yang bernama Micheal Cgaffe dan Henry Warring serta seorang doktor Dr. James Hutton telah dibawa dari India untuk berkhidmat di Pulau Pinang semasa pentadbiran Syarikat Hindia Timur Inggeris pada tahun 1786. Ketiga-tiga mereka merupakan pelopor kepada anggota kesihatan dalam perkhidmatan kesihatan moden di negara ini.

Sejarah perkembangan profesion PPP menempuh laluan berliku dan mengalami pelbagai transformasi dalam aspek latihan, peranan dan juga gelaran. Pada peringkat awal, profesion ini dikenali sebagai Apotekari dan mereka dipinjamkan dari pentadbiran Inggeris di India ke Pulau Pinang. Ini disebabkan pada masa tersebut Pulau Pinang ditadbir oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris yang berpusat di India. Pada tahun 1823, Syarikat Hindia Timur Inggeris telah memutuskan pentadbiran Pulau Pinang perlu mempunyai perjawatan perubatan yang berasingan daripada India. Sehubungan itu latihan perintis telah diberikan kepada anak-anak tempatan bagi membolehkan mereka berkhidmat di hospital-hospital kerajaan sebagai Pembantu Apotekari. Mereka diberi latihan dan perlu lulus peperiksaan farmasi, asas perubatan, pemberian preskripsi dan melaksanakan prosedur rawatan dan pembalutan luka. Setelah menamatkan perantisan dan lulus peperiksaan, mereka akan dilantik sebagai Pembantu Apotekari. Selepas berkhidmat selama 15 tahun sebagai Pembantu Apotekari, mereka akan dilantik ke jawatan Apotekari Rendah dan seterusnya akan dilantik sebagai Apotekari sekiranya lulus peperiksaan kecemerlangan termasuk yang melibatkan mata pelajaran khusus seperti anatomi dan fisiologi, pengendalian post-mortem dan juga patologi.

Gelaran Apotekari dan Dresser asalnya digunakan dalam perkhidmatan kesihatan di India semasa pemerintahan Inggeris yang berpusat di Calcutta di India. Apotekari biasanya digunakan oleh rakyat Inggeris yang merujuk kepada pemberi/pembanch ubat, manakala Dresser digunakan oleh rakyat tempatan yang merujuk kepada mereka yang membantu mencuci luka. Kedua-dua gelaran ini merujuk kepada profesion yang sama. Selain itu, nama Sub-Assistant Surgeon juga digunakan oleh British Malaya. Gelaran ini diberikan kepada Apotekari yang telah dinaikan pangkat dalam perkhidmatan Tentera Madras, India. Kemudiannya, jawatan ini juga telah digunakan dalam skim Dresser untuk gred yang lebih tinggi.



Pada abad ke-19, Sub-Assistant Surgeon atau Dresser mendapat latihan di hospital kerajaan dan setelah tamat latihan mereka ditempatkan di hospital dan klinik estet untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sekitarnya kerana kekurangan doktor. Selaras dengan perkembangan perkhidmatan kesihatan negara, peranan mereka juga semakin berkembang dan menjadi multi-tasking. Mereka berperanan sebagai Dispenser, Pembantu Makmal, Pegawai Rekod dan menjadi penyelia di hospital.

Sebelum kemerdekaan (1945-1957), terdapat jawatan Interim yang diberikan kepada Dresser. Ini disebabkan Kerajaan British bercadang untuk menggantikan skim Dresser kepada Jururawat Lelaki. Latihan Jururawat Lelaki menggunakan kurikulum jururawat dan dilatih di Sekolah Latihan Kejururawatan Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Skim ini diteruskan sehingga tahun 1963. Namun selepas itu, Jururawat Lelaki digantikan dengan Pembantu Rumah Sakit. Selaras dengan skop kerja mereka, Pembantu Rumah Sakit perlu menduduki peperiksaan kedua berkaitan dengan makmal dan ubatan (farmasi) iaitu selepas mempunyai pengalaman bekerja selama 5 tahun.

Pada tahun 1977, Akta Pembantu Hospital (Pembantu Perubatan) telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Akta yang diberi nama Akta 180, Pembantu Perubatan (Pendaftaran) 1977. Manakala Peraturan-Peraturan Pembantu Perubatan (Pendaftaran) pula diluluskan pada tahun 1979. Dengan kelulusan akta ini, maka profesion pembantu perubatan telah diiktiraf oleh kerajaan sama seperti profesion profesional perubatan yang lain seperti doktor dan jururawat yang terlebih dahulu mendapat pengiktirafan daripada kerajaan.

PENGIFTIRAFAN PROFESION PEMBANTU PERUBATAN SATU PERJUANGAN BERTERUSAN

AKTA PEMBANTU HOSPITAL (PENDAFTARAN) AKTA 180, PEMBANTU PERUBATAN (PENDAFTARAN) 1977 (PINDAAN) AKTA A621,1985

Sebelum tahun 1979, Pembantu Perubatan yang pada ketika itu dikenali sebagai Pembantu Hospital, merupakan petugas Perkhidmatan Awam yang dilantik untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia. Latihan Pembantu Hospital merupakan latihan dalam perkhidmatan bagi tujuan melaksanakan tugas & tanggungjawab yang di tentukan serta ditetapkan oleh majikan, iaitu Kementerian Kesihatan. Berbeza dengan dua lagi anggota utama KKM ketika itu, iaitu Jururawat & Pegawai Perubatan yang merupakan profesion yang latihan, peranan dan tugas dikawal dibawah perundangan Malaysia.

Pada sekitar awal tahun tujuh puluhan, telah bangkit satu kesedaran dalam kalangan Pembantu Hospital supaya peranan dan tugas yang dijalankan oleh mereka diiktiraf sebagai satu profesion sama seperti rakan setugas mereka, iaitu Jururawat serta juga Pegawai Perubatan. Pembantu Hospital sejak era Malaya merdeka dan sebelumnya telah melakukan tugas memeriksa & merawat pesakit di semua fasiliti di bawah Kementerian Kesihatan, yang mana tugas ini pada asasnya merupakan peranan Pegawai Perubatan.

Keinginan Pembantu Hospital untuk di iktiraf sebagai satu profesion telah dizahirkan dalam ucapan dasar Presiden Kesatuan dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Dua Tahunan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Hospital, Malaysia Barat pada tahun 1973. YB Menteri Kesihatan, Dato' Sardon bin Jubir yang hadir selaku tetamu khas di majlis tersebut, dalam ucapan Perasmianya telah memberi cadangan supaya pihak Kesatuan membawa cadangan, mohon pihak Kerajaan mengadakan undang-undang bagi tujuan pengiktirafan yang di hasratkan. Sejurus tamat Persidangan pihak Kesatuan telah sampaikan cadangan tersebut kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, mohon perjumpaan bagi membincangkan usul Kesatuan. Malangnya pihak kepimpinan Tertinggi Kesatuan yang dipilih untuk perjuangkan permohonan tersebut tidak perolehi kejayaan yang dihasratkan. Pertambahan beban tugas di hospital serta fasiliti Kesihatan Luar Bandar (Pusat Kesihatan) yang kian meningkat telah menyebabkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan Pembantu Hospital, telah mula memuncak.

Maka, pada bulan September 1975 para anggota perwakilan yang menghadiri Persidangan Perwakilan Dua Tahunan, bertempat di Bandar Seremban, Negeri Sembilan telah membawa satu usul tergempar supaya Anggota Majlis Tertinggi yang dilantik, tuntut supaya pihak Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan, segera mengadakan satu Akta bagi tujuan mengawal latihan, peranan & tugas Pembantu Hospital. Bagi mencapai hasrat Pembantu Hospital yang di beri mandat oleh para Perwakilan Kesatuan, anggota Majlis Tertinggi Kesatuan yang dilantik telah pada keesokan harinya mengadakan satu sidang akhbar untuk menghebahkan keputusan Persidangan Perwakilan Kesatuan dengan usul seperti berikut;



'Bahawa Persidangan Perwakilan Dua Tahunan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Hospital Malaysia Barat, mentuntut pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil tidakan segera untuk adakan satu Akta Parliment bagi mengiktiraf peranan dan tugas Pembantu Hospital yang dilaksanakan dibawah Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia'

PENGIKTIRAFAN PROFESION PEMBANTU PERUBATAN SATU PERJUANGAN BERTERUSAN

Usul yang sama telah disampaikan melalui surat berdaftar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia, memohon supaya pihaknya segera mengadakan rundingan dengan wakil Kesatuan, ke arah memulakan usaha serta kerja-kerja menyediakan cadangan Akta yang dihasratkan. Perjumpaan pertama dengan Pegawai-Pegawai Tertinggi Kementerian Kesihatan yang di pengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM telah gagal mencapai hasil yang dihasratkan. Pihak kesatuan telah diminta kemukakan asas-asas yang lebih kukuh bagi memperkuatkan permohonan Kesatuan.

Usaha pihak Kesatuan diteruskan dengan mengadakan beberapa perjumpaan dengan pegawai-pegawai tertinggi KKM, serta perjumpaan dengan YB Menteri Kesihatan Tan Sri Lee Siok Yew bagi mohon beliau turut membantu menyelesaikan permohonan anggota profesion Pembantu Hospital. Malangnya semua usaha Kesatuan untuk mendapatkan satu penyelesaian juga telah gagal.

Ketidakpuasan hati telah mula disuarakan oleh Pembantu Hospital di lapangan, memandangkan mereka memikul tanggungjawab memeriksa & merawat semua pesakit yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan di fasilti Kesihatan luar bandar (Pusat Kesihatan) di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah.

Susulan dari itu, pihak Kesatuan telah mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Luar Biasa untuk mendapatkan pandangan serta halatuju tindakan seterusnya oleh pihak anggota Perwakilan. Mesyuarat yang diadakan di Hospital Kuala Lumpur pada April 1976 di hadiri oleh ahli perwakilan Kesatuan, telah mengambil keputusan untuk melancarkan mogok jika pihak Kerajaan (Kementerian Kesihatan Malaysia) kerana tidak melayan tuntutan Kesatuan. Keputusan para perwakilan kesatuan telah disampaikan oleh Setiausaha Agung Kesatuan Encik Mohamad Esa bin Hitam kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dengan sesalinan dipanjangkan kepada YB Menteri Kesihatan. Perjumpaan yang diadakan susulan peringatan Kesatuan itu, pihak KKM telah meminta Kesatuan supaya tidak mengambil sebarang tindakan yang akan memudaratkan perkhidmatan kepada pesakit dan berjanji pihaknya akan mengkaji permohonan Kesatuan.

Setelah bersabar beberapa waktu dan tiada sebarang usaha yang meyakinkan dari pihak KKM, maka pada bulan Jun 1976 Kesatuan telah memberi Notis Mogok dan ini menepati syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Buruh 1955, kepada pihak KKM serta salinan notis tersebut dipanjangkan kepada Bahagian Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh. Pada ketika yang sama pihak Kesatuan melalui usaha Presiden Kesatuan, Encik Johari bin Hj. Ibrahim telah memohon jasa baik Menteri Buruh, YB Lee San Choon untuk membantu menyelesaikan masalah yang membawa kepada pihak Kesatuan mengemukakan acaman mogok. Pihak Ahli Majlis Teringgi Kesatuan telah menemui YB Menteri Buruh dan disertai oleh wakil Bahagian Perhubungan Perusahaan hanya beberapa hari selepas notis cadangan mogok dikemukakan. Dalam perjumpaan tersebut YB Menteri Buruh telah berjanji untuk memohon YB Menteri Kesihatan untuk menyelesaikan klemelut ini. Pada minggu berikutnya atas nasihat pihak yang berkenaan dalam Kerajaan, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan telah berjumba dengan pihak Kesatuan dan dalam perbincangan tersebut beliau telah bersetuju dengan permohonan Kesatuan untuk diadakan satu Akta yang bertujuan mendaftar Pembantu Hospital yang layak untuk bekerja sebagai Pembantu Hospital. Walaupun pihak Kesatuan tidak berapa setuju dengan saranan KKM yang membawa maksud "Akta untuk mendaftar Pembantu Hospital", akan tetapi pihak Kesatuan bersetuju dengan cadangan tersebut sebagai permulaan kepada penyelesaian klemelut yang melanda profesion Pembantu Hospital. Susulan persetujuan dua pihak tersebut, pihak KKM telah mengarahkan Kesatuan untuk mengemukakan deraf Akta yang dicadangkan oleh pihak Kesatuan.

PENGIKTIRAFAN PROFESION PEMBANTU PERUBATAN SATU PERJUANGAN BERTERUSAN

Bagi merealisasikan kerja-kerja merangka draf Akta, pihak Kesatuan telah melantik satu Jawatankuasa khas dalam kalangan Pembantu Hospital yang mempunyai pengetahuan dalam bidang perundangan bagi membantu dalam melaksanakan tugas mencabar yang menanti. Jawatankuasa dalam kalangan Ahli Majlis Tertinggi Kesatuan serta beberapa Pembantu Hospital kanan dalam perkhidmatan serta dibantu oleh mantan Setiausaha Agung Kesatuan Encik Tham Kam Choy telah menghasilkan draf Akta Pembantu Hospital untuk pertimbangan pihak KKM. Setelah draf tersebut diteliti, pihak Pengurusan tertinggi KKM telah bersetuju dan menamakan Deraf tersebut sebagai "Hospital Assistants (Registration) Bill" untuk dikemukakan kepada Pejabat Peguam Negara dan seterusnya diangkat ke Mesyuarat Kabinet untuk dibentangkan di Parlimen.

Bil tersebut telah dibentangkan di Persidangan Parlimen pada awal 1977 oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia dan diluluskan di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Negara dalam tempoh Persidangan Parlimen yang sama. Seluruh Anggota Majlis Kerja Tertinggi Kesatuan telah menghadiri sesi perbahasan Bil ini di Parlimen. Anggota Dewan Rakyat telah meluluskan Bil tersebut dalam dua bacaan serentak bagi merealisasikan hasrat Pembantu Hospital ke arah peranan dan tugas Pembantu Hospital di iktiraf di bawah undang-undang Malaysia.

Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) Akta 180, telah di beri Perkenaan Raja pada 2 Mac 1977 oleh DYMM Yang Dipertuan Agung dan di siarkan dalam Warta Kerajaan Malaysia pada **10 Mac 1977**.

Walau bagaimanapun, Akta ini tidak dapat dikuatkuasakan. atas sebab ketiadaan Peraturan-Peraturan bagi melaksanakan peruntukan dalam Akta 180. Kuasa pelaksanaan Akta terletak pada YB Menteri Kesihatan, dengan mengadakan Peraturan-Peraturan yang menetapkan syarat-syarat pelaksanaan Akta.

Tanggungjawab menyediakan Peraturan telah diberikan kepada pihak yang berkaitan di Kementerian Kesihatan yang akan melaksanakan Akta ini. Malangnya, telah berlaku kelewatan bagi menyediakan draf Peraturan untuk kelulusan YB Menteri Kesihatan. Setelah desakkan demi desakkan, termasuk cadangan untuk 'kerja ikut peraturan – Work To Rule' oleh pihak Kesatuan; jika tiada usaha segera untuk mengadakan Peraturan-Peraturan bagi melaksanakan Akta tersebut.

Atas desakan Kesatuan pihak Kementerian Kesihatan telah meluluskan Peraturan-Peraturan Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1979, dan disiarkan dalam Warta Kerajaan pada 23 Ogos 1979 dan berkuatkuasa pada 24 Ogos 1979.

Maka, dengan pengiktirafan peranan dan tugas melalui Akta Parlimen Malaysia. telah bermulanya satu era baru dalam profesion Pembantu Hospital yang kemudiannya ditukar kepada Pembantu Perubatan.



**Regulation 19 (2)
Medical Assistants Badge**

Diamond-shaped badge with rounded edges measuring 3 cm vertically and 5 cm horizontally, dark blue background surrounded by a white border on which the words Medical Assistant and Malaysia are printed in black. In the centre are two concentric circles with the third circle lying tangent to the second concentric circle on the right and forming a red crescent with it. The border between the concentric circles is coloured white. The third circle is coloured yellow with a pair of serpents in the centre. The bodies of the serpent form a figure of eight with the rod with the tail ends forming an arc.



LAWS OF MALAYSIA

Act 180

HOSPITAL ASSISTANTS (REGISTRATION) ACT 1977

Date of Royal Assent ... 2nd March 1977
Date of publication in Gazette ... 10th March 1977



Sejarah Latihan

Latihan profesion Pembantu Perubatan terbahagi kepada dua fasa, iaitu sebelum kemerdekaan dan selepas kemerdekaan negara. Sebelum kemerdekaan, Dresser atau Apotekari dipinjamkan dari India dan mereka mendapat latihan di Kolej Perubatan Madras di India. Namun, terdapat juga beberapa program latihan yang dijalankan di dalam negara yang dinamakan program perantis untuk anak-anak tempatan. Selain itu pada tahun 1905, terdapat 7 orang telah mengikuti program latihan selama dua tahun di Maktab Perubatan King Adward VII, Singapura. Mereka adalah kumpulan pertama yang terdiri daripada 23 orang, iaitu 16 orang mengikuti program selama lima tahun sebagai pegawai perubatan dan tujuh orang mengikuti program selama dua tahun sebagai Pembantu Perubatan.

Manakala, pada era selepas kemerdekaan, pada peringkat awalnya latihan masih berorientasikan program kejururawatan. Namun, pada tahun 1963-1970, kerajaan telah mewujudkan crash program. Pelatih akan menjalani latihan bersama Jururawat pada tahun pertama dan diikuti dua tahun penempatan klinikal pada beberapa buah hospital besar. Latihan mereka meliputi bidang perubatan, pembedahan, kecemasan, farmasi, makmal dan kesihatan awam. Mereka perlu lulus dalam peperiksaan akhir Pembantu Hospital.

Manakala bermula tahun 1970, latihan khusus untuk Pembantu Hospital telah dirangka dengan menggunakan kurikulum Pembantu Hospital sepenuhnya. Justeru, sekolah latihan yang pertama melatih Pembantu Hospital dibuka di Seremban pada tahun 1972. Selepas itu beberapa buah kolej lagi telah dibuka bagi menampung jumlah pelajar yang semakin ramai iaitu Kolej Pembantu Perubatan Ulu Kinta pada tahun 1992, dan Kolej Pembantu Perubatan Alor Setar pada tahun 1993. Pada tahun 2002 kurikulum latihan PPP telah berubah kepada Diploma Pembantu Perubatan (DPP) dengan menggunakan sistem kredit yang berorientasi akademik dan ini adalah selaras dengan sistem pengajian yang digunakan di institusi pengajian tinggi yang lain di negara ini.

Bagi menampung jumlah pelajar yang semakin ramai, Bahagian Pengurusan Latihan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menambahkan institusi yang menjalankan kursus DPP iaitu Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) Kuching pada tahun 2007, Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) Kota Kinabalu pada tahun 2010, dan Kolej Sains Kesihatan Bersekutu (KSKB) Johor Baharu pada tahun 2012. Selain itu mulai tahun 2005, beberapa institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah mula menjalankan program Diploma Pembantu Perubatan bagi memenuhi keperluan perkhidmatan PPP yang semakin berkembang termasuk di sektor swasta. Antaranya ialah Kolej Islam, Sains dan Teknologi (KIST), Kolej Kejururawatan Murni, UniKL, Kolej Universiti Shahputra, PICOMS, CUCMS, Universiti Lincoln, I-System, Damai College, Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN) Melaka dan lain-lain lagi.

Manakala untuk program ijazah pula, Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan perintis yang menjalankan program khusus untuk PPP dalam bidang perubatan kecemasan. Program yang dipanggil Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan Kepujian telah mendapat pengiktirafan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia dan pengambilan pertama pada Sesi 2007/2008. Program Ijazah untuk Pembantu Perubatan terus berkembang apabila dua buah universiti memulakan program untuk Pembantu Perubatan iaitu Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan (Kepujian) iaitu Universiti Terbuka Malaysia (2019) dan Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu (2020).

Selain itu untuk meningkatkan bilangan PPP yang berijazah serta memiliki ijazah tinggi, dari semasa ke semasa Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia sedang dan telah menjalankan kolaborasi dengan beberapa buah universiti awam dan swasta bagi membantu membangunkan program pendidikan PP di peringkat ijazah dan sarjana untuk Pembantu Perubatan di negara ini.


SEJARAH PROFESIONKU

TRANSFORMASI PAKAIAN SERAGAM

Pakaian seragam merupakan kaedah untuk mengenali sesuatu profesion dengan mudah kerana melalui pakaian seragam kita dapat melihat perbezaan warna, reka bentuk dan juga logo/tanda yang menjelaskan identiti sesuatu profesion. Bagi profesion PPP, mereka juga mempunyai pakaian seragam khusus. Profesion PPP telah mengalami beberapa perubahan pakaian seragam sejak dari sebelum kemerdekaan lagi. Perubahan uniform ini dibuat berdasarkan keperluan perkhidmatan semasa. Perubahan pakaian seragam ditunjukkan sebegini di Gambar rajah 1:

Gambar Rajah 1: Pakaian seragam Penolong Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia sejak sebelum kemerdekaan sehingga kini.

A: Dresser (Sebelum kemerdekaan); **B:** Pembantu Rumah Sakit/Pembantu Hospital; **C:** Pembantu Perubatan; **D:** Penolong Pegawai Perubatan Lelaki (U29) **E:** Penolong Pegawai Perubatan Wanita (U29); **F:** Penolong Pegawai Perubatan Kanan (Lengan pendek (U32), Lengan Panjang (U36-U54).



PAKAIAN RASMI JAWATAN

LELAKI & WANITA



G

PAKAIAN TUGAS KLINIKAL

LELAKI & WANITA



H



Bermula Januari 2023, Pakaian Seragam PPP telah diselaraskan untuk semua Gred iaitu Baju Bewarna Hijau Muda Berlengan Panjang serta Bertali Leher, Berseluar Slack Hitam dan Berkasut Kulit Bewarna Hitam (**G**).

Manakala untuk Pakaian Tugas Klinikal Baju Berwana Hijau Muda Berlengan Pendek bagi Lelaki dan Berlengan Panjang bagi wanita (**H**).

SEJARAH TERCIPTA APABILA 2 PEMBANTU PERUBATAN DILANTIK SEBAGAI PENGARAH HOSPITAL

Pada tahun 2006, telah tercipta Sejarah apabila 2 orang Pembantu Perubatan (Pengajar) telah dilantik menjadi pengarah hospital. Perlantikan pengarah hospital bukan dalam kalangan Pegawai Perubatan merupakan projek perintis yang diilhamkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pada awalnya sebanyak 16 buah hospital dicadangkan terlibat dengan projek perintis ini namun akhirnya hanya 4 buah hospital sahaja yang telah melaksanakan projek perintis ini iaitu Hospital Kota Belud, Hospital Lundu, Hospital Kuala Penyu dan Hospital Kanowit.

Daripada 4 buah hospital tersebut, 2 Pembantu Perubatan (Pengajar) telah dilantik menjadi pengarah iaitu Tuan Haji Moideen Kutty Hasan yang telah dilantik menjadi Pengarah Hospital Kota Belud, Sabah dan Tuan Haji Zulkifli Mohd Tahir telah dilantik sebagai Pengarah Hospital Kuala Penyu, Sabah. Manakala pengarah Hospital Kanowit dan Hospital Lundu telah dipilih dalam kalangan Jururawat.

Menurut Tuan Haji Moideen, pengalaman beliau hampir tiga tahun iaitu dari 2006 hingga 2009 mentadbir Hospital Kota Belud merupakan satu pengalaman yang sangat indah. Beliau telah mendapat kerjasama yang sangat baik dari pelbagai pihak terutama pegawai daerah serta agensi kerajaan negeri. Antara beberapa pencapaian mentadbir hospital yang boleh di banggakan ialah membaikpulih kuarters serta bangunan hospital. Selain itu beliau juga berjaya mengujudkan persekitaran kerja yang kondusif serta memperolehi pensijilan 5S (kini EKSA) dari SIRIM pada tahun pertama pentadbiran beliau. Hospital beliau juga mendapat pensijilan *Baby Friendly Hospital*.

Perancangan akreditasi hampir 4 tahun sebelum ini tidak dapat di selesaikan tetapi akhirnya melalui kepimpinan beliau ia dapat diselesaikan dengan memperolehi Pensijilan Akreditasi MSQH dalam tempoh setahun sahaja. Selain itu slogan ‘Hospital Kita, Hospital Saya’ telah digunakan untuk mengujudkan semangat kekitaan Bersama Masyarakat setempat. Di samping itu antara kejayaan lain ialah beliau ialah melancarkan hospital dalam Taman. Hampir 20 taman di wujudkan berdasarkan lokasi dan fungsi dan akhirnya membawa kepada Anugerah Johan Taman Teraputik Peringkat Negeri Sabah selama dua tahun berturut turut.



Menurut beliau lagi, dalam tempoh kurang 3 tahun, beliau telah memperolehi pengalaman yang sangat berharga melalui pelbagai anugerah yang diterima oleh hospital. Pencapaian cemerlang beliau mentadbir hospital telah dihargai apabila beliau dianugerahkan Anugerah Khidmat Cemerlang dalam tempoh singkat sebagai pengarah hospital iaitu pada tahun 2008.

Kejayaan beliau mentadbir hospital dengan cemerlang ini membuktikan Pembantu Perubatan mampu mengalas tanggungjawab sebagai pengarah hospital, namun disebabkan beberapa faktor projek perintis ini tidak diteruskan.



SEJARAH PROFESIONKU

SEJARAH WISMA PEMBANTU PERUBATAN



Wisma Pembantu Perubatan yang terletak di No. 11, Jln Reko Sentral 9, Reko Sentral, Kajang merupakan bangunan hasil cetusan idea mantan Ketua Pembantu Perubatan Tn Hj Hassan Hj Ahmad. Semua Penolong Pegawai Perubatan wajib berbangga kerana profesion telah memiliki bangunan sendiri yang dibeli dengan harga melebihi RM 740 ribu. Inilah hasil kejayaan profesion rentetan dari kelulusan JPA meluluskan pemberian Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) kepada semua Penolong Pegawai Perubatan. Alhamdulillah, beberapa siri "roadshow" dijalankan oleh Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia dan orang perseorangan ke seluruh Malaysia untuk mengutip dana. Warga Pembantu Perubatan telah menyumbang RM100 seorang, malah ada yang menyumbangkan lebih daripada itu.

Majlis Perasmian Wisma Pembantu Perubatan telah disempurnakan oleh Y. Bhg Dato Sri Dr Hj Mohd Nasir Mohd Ashraf, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia pada 12 Julai 2009.

Diucapkan terima kasih kepada semua Penolong Pegawai Perubatan yang sama-sama menyumbang merialisasikan hasrat profesion PPP mempunyai bangunan sendiri.

SEJARAH PROFESIONKU

PENGWUJUDAN JAWATAN PENGAJAR PEMBANTU PERUBATAN

Kumpulan pertama Pembantu Perubatan yang telah dilantik sebagai Pengajar Pembantu Perubatan dan seterusnya berkhidmat di Sekolah Latihan Pembantu Perubatan Seremban ialah En CP Chan dan Tn Hj Mohd Tamin bin Abu Bakar.



En CP Chan



Tn Hj Mohd Tamin bin Abu Bakar

Sebelum dilantik sebagai Pengajar Pembantu Perubatan, mereka telah hantar untuk mengikuti program pendidikan di University of Huddersfield, United Kingdom selama setahun iaitu pada tahun 1985. Lantikan mereka menjadi perintis kepada pengujudan jawatan Pengajar Pembantu Perubatan di negara ini khususnya di Institut Latihan KKM serta IPT Awam dan Swasta



Sekolah Latihan Pembantu Perubatan
Seremban

SEJARAH PROFESIONKU

SEJARAH PENUBUHAN PUSAT BERKHATAN KEBANGSAAN

Pada tahun 2018, Pusat Latihan berkhatan Negeri Selangor yang bertempat di dewan bedah Pusat Kawalan Kusta Negara, Hospital Sungai Buloh telah dinaik taraf kepada Pusat Latihan Berkhatan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah kesihatan (Perubatan) YBhg. Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar, mewakili Yang Berbahagia Menteri Kesihatan ketika itu. Pusat latihan ini diletakkan di bawah tanggungjawab Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, KKM. Manakala urusan operasi hariannya dilaksanakan oleh Pejabat Ketua Penyelia PPP, Hospital Sungai Buloh.

Penubuhan Pusat Latihan Berkhatan di peringkat kebangsaan merupakan satu pengiktirafan yang amat bermakna kepada profesion PPP yang terlibat dalam menyampaikan perkhidmatan berkhatan kepada masyarakat di Malaysia selama ini.

Objektif utama pusat latihan ini adalah untuk melahirkan fasilitator kursus berkhatan yang berkualiti tinggi dalam kalangan PPP berpengalaman dibidang berkhatan di setiap negeri. Sejak penubuhan pusat latihan ini, seramai 130 fasilitator berkhatan dalam kalangan PPP telah dilatih. Fasilitator-Fasilitator ini akan bertanggungjawab untuk mengadakan kursus berkhatan PPP di negeri masing-masing untuk memastikan perkhidmatan berkhatan yang disampaikan kepada masyarakat adalah selamat dan berkualiti tinggi.



PROGRAM SARJANA MUDA SAINS PERUBATAN KECEMASAN DENGAN KEPUJIAN UKM: SATU ANJAKAN PARADIGMA PENDIDIKAN PEMBANTU PERUBATAN

Keperluan untuk mewujudkan program khusus di peringkat ijazah bermula apabila skim perkhidmatan Pembantu Perubatan (PP) berubah kepada Skim Perkhidmatan Bersepadu pada tahun 2007. Melalui skim ini, Pembantu Perubatan yang memiliki ijazah yang diiktiraf layak untuk memohon ke gred U41. Selain itu, melalui pengijazahan ini PP akan dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti sistem penyampaian kesihatan di negara ini.

Program Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan Kepujian (EMED), Univeriti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menempa sejarah kerana menjadi program pertama yang diiktiraf oleh Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia (LPPM) sebagai program ijazah khusus untuk profesion Pembantu Perubatan di negara ini (Mesyuarat LPP ke-48 pada 28 April 2008). Seramai 20 orang pelajar telah menjadi perantis kepada program ini apabila mereka mendaftar untuk sesi kemasukan 2007/2008. Program ini telah mendapat Akreditasi Penuh dari Agensi Kelayakkan Malaysia (MQA) pada 24 Ogos 2011.

Kewujudan program ini hasil daripada kerjasama antara UKM dengan Lembaga Pembantu Perubatan, Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia (PPPM), Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Perubatan Semenanjung Malaysia (KKPPPSM) dan Bahagian Pengurusan Latihan (BPL), Kementerian Kesihatan Malaysia. Tonggak utama kepada kewujudan program ini ialah Profesor Dr Ismail Bin Mohd Saiboon, Profesor dan Pakar Perunding Perubatan Kecemasan, Jabatan Perubatan Kecemasan, Pusat Perubatan UKM. Program ini dijalankan di Jabatan Perubatan, Fakulti Perubatan UKM. Sehingga Mac 2024, seramai 141 graduan telah dihasilkan dari program ini dan kebanyakannya mereka telah dilantik ke Gred perkhidmatan profesional di KKM atau menjawat pelbagai jawatan penting di agensi awam dan juga sektor swasta.



Ketua Program:
Dr Alias bin Mahmud

TRANSFORMASI PENDIDIKAN PEMBANTU PERUBATAN: PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN DENGAN KEPUJIAN OLEH OUM

Universiti Terbuka Malaysia (Open University Malaysia), yang ditubuhkan pada awal tahun 2000-an, muncul sebagai institusi penting dalam landskap pendidikan tinggi Malaysia. Ia ditubuhkan dengan misi untuk menyediakan pendidikan yang fleksibel dan mudah diakses kepada pelbagai lapisan pelajar. Sejak permulaannya, OUM menyediakan pembelajaran jarak jauh, menggunakan teknologi dan kaedah pengajaran inovatif untuk para profesional yang bekerja dan mereka yang memerlukan pilihan belajar yang fleksibel.

Selaras dengan perubahan skim Pembantu Perubatan ke Skim Bersepada yang membolehkan pembantu perubatan menjawat jawatan Pengurusan dan Professional, maka pada 28 Jun 2010 satu mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan program ijazah yang bersesuaian dengan profession Penolong Pegawai Perubatan dengan pihak pengurusan OUM. Mesyuarat tersebut telah diadakan di OUM Kuala Lumpur dan dihadiri oleh Lembaga Pembantu Perubatan (kini, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan), Persatuan, Kesatuan serta beberapa orang PPP senior yang mewakili beberapa disiplin seperti Renal, Otopedik, kesihatan primer, Psikiatri, Anestesia dan Forensik. Mesyuarat ini telah dirasmikan sendiri oleh YBhg. Profesor Emeritus Tan Sri Anuwar Ali Presiden dan Vice Censelor OUM.

Setelah hampir 8 tahun, perancangan demi perancangan, akhirnya pada September 2018, OUM menawarkan kepada hampir 80 pelajar baharu dalam kalangan Penolong Pegawai Perubatan ke program Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesehatan dengan kepujian. Berkat sokongan daripada pihak LPP pada masa itu juga telah menyaksikan program BMHS ini dibuka kepada 9 Pusat Pembelajaran di serata Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bagi memenuhi permintaan yang tinggi.

Pada November, 2022 dengan rasminya program BMHS ini berjaya dianugerahkan dengan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kejayaan memperolehi akreditasi penuh ini, membolehkan seramai 200 graduan progam BMHS menerima ijazah mereka pada Konvokesyen OUM ke-27 yang telah berlangsung pada 14-17 Oktober 2023 di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur. Kini program BMHS mempunyai seramai 900 lebih pelajar aktif dalam kalangan penolong pegawai perubatan yang berkhidmat di sektor awam dan swasta.

Pengarah Program:
Nurhan Norris Ma Weng Chuen



TRANSFORMASI PENDIDIKAN PEMBANTU PERUBATAN: PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERUBATAN DAN KESIHATAN DENGAN KEPUJIAN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Kuala Terengganu, Terengganu merupakan universiti awam ke-2 yang menjalankan program ijazah khusus untuk profesi Pembantu Perubatan. Selain itu UniSZA juga merupakan universiti ke-2 menjalankan program BMHS selepas Universiti Terbuka Malaysia (OUM) yang menjalankan program yang sama pada tahun 2022. Seramai 47 orang pelajar lepasan Matrikulasi telah menjadi pelajar ambilan pertama pada 11 Mac 2020.



Ketua Program:
Dr Zulkefli bin Abu Bakar

SENARAI INSTITUSI MENJALANKAN PROGRAM PEMBANTU PERUBATAN

Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan

Institusi Latihan KKM

1. ILKKM (Pembantu Perubatan) Alor Setar, Kedah
2. ILKKM (Pembantu Perubatan) Seremban, NS
3. ILKKM Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta Perak
4. ILKKM Johor Bahru, Johor
5. ILKKM Kuching, Sarawak
6. ILKKM Kota Kinabalu, Sabah

Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta

1. Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera (INSAN)
2. Universiti Kuala Lumpur (UniKL - MESTECH)
3. University of Cyberjaya
4. Management & Science University (MSU)
5. Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP
6. Universiti Geomatika Malaysia
7. UOW Malaysia College
8. Widad University College
9. Kolej Antarabangsa MURNI
10. Kolej Universiti Lincoln
11. DSH Institute Of Technology
12. Kolej Institut Jantung Negara (IJN)

Bachelor Degree

Bachelor of Science in Emergency Medicine with Honors

1. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Bachelor in Medical and Health Sciences (Hons)

1. Universiti Terbuka Malaysia (OUM)
2. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)



KOLEJ ISLAM SAINS DAN TEKNOLOGI: IPT SWASTA PERTAMA DAN PENGAMBILAN PELAJAR WANITA PERTAMA DI MALAYSIA



Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST), Bachok, Kelantan merupakan kolej swasta pertama di Malaysia yang menjalankan program Diploma Pembantu Perubatan. Kumpulan pertama Diploma Pembantu Perubatan IPT swasta telah bergraduat pada tahun 2008.



Selain itu KIST juga merupakan institusi pertama yang melatih Pembantu Perubatan Wanita di Malaysia. Seramai 33 orang graduan PP Wanita pertama telah berjaya dilahirkan pada tahun 2009. Dengan pengeluaran PP wanita, maka bermulalah era PP wanita di negara ini.

PENDIDIKAN PROFESIONKU

KRONOLOGI PERISTIWA PENTING

| TAHUN | PERISTIWA |
|-----------|--|
| 1786 | Dua Pembantu perubatan telah dibawa dari India oleh Syarikat Hindia Timur untuk berkhidmat di Pulau Pinang di bawah pemerintahan Sir Francis Light. |
| 1823 | Program Aparantis pertama (Jabatan Perubatan Pulau Pinang) – mereka dilantik sebagai Pembantu Apotekari |
| 1869 | Latihan Apotekari selama 2 tahun di Hoapital Singapura dan 3 tahun di Kolej Perubatan Madras, India |
| 1897 | 2 orang Melayu telah dilatih sebagai Dressers dan Apotekari |
| 1905 | 7 orang Pembantu Perubatan telah mengikuti latihan di Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura |
| 1945-1957 | Jawatan interim untuk Dressers diwujudkan |
| 1963-1970 | Latihan Pembantu Hospital bersama Jururawat yang dikenali sebagai Crash programme |
| 1968 | Latihan Pembantu Hospital di Sekolah Latihan Personel Paramedik, Kuching Sarawak |
| 1971 | Sekolah latihan pertama untuk Pembantu Hospital di Hospital Seremban yang menggunakan kurikulum sendiri (Pembantu Hospital) |
| 1989 | Sijil Pembantu Perubatan diiktiraf setaraf dengan Diploma |
| 1992 | Program Pembantu Perubatan Kolej Pembantu Perubatan Ulu Kinta |
| 1993 | Program Pembantu Perubatan Kolej Pembantu Perubatan Alor Setar |
| 1998 | Sijil Pembantu Perubatan ditukar kepada Diploma Pembantu Perubatan |
| 2005 | Program Diploma Pembantu Perubatan pertama dijalankan oleh Kolej Swasta –Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) Kelantan |
| 2006 | Pengambilan Pelatih Perempuan pertama oleh KIST |
| 2007 | Program Diploma Pembantu Perubatan di KSKB Kuching Sarawak |
| 2007 | Ijazah pertama Pembantu Perubatan: Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan dengan Kepujian UKM. Pengambilan pertama sesi 2007-2008 |
| 2010 | Program Diploma Pembantu Perubatan di KSKB Kota Kinabalu, Sabah |
| 2012 | Program Diploma Pembantu Perubatan di KSKB Johor Baharu, Johor |
| 2018 | Diploma Pembantu Perubatan ditukar kepada Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan |
| 2019 | Ijazah ke-2 Pembantu Perubatan: Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan, OUM |
| 2020 | Ijazah ke-3 Pembantu Perubatan: Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan, UniSZA |
| 2022-2023 | Perbincangan untuk membangunkan program Pembantu Perubatan di peringkat Diploma, Ijazah dan Sarjana dengan beberapa IPTA/IPTS seperti UCMI, USIM, Universiti Perdana, Universiti Sunway dan lain-lain. |

MENEROKA PELUANG SEBAGAI PEMBANTU PERUBATAN DALAM SEKTOR PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA



Bidang penjagaan kesihatan adalah luas dan sentiasa berkembang, dengan banyak peluang untuk individu menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Salah satu cara tersebut ialah kerjaya sebagai Pembantu Perubatan, peranan penting dalam sektor penjagaan kesihatan swasta.

Pembantu Perubatan memainkan peranan penting dalam tetapan penjagaan kesihatan dengan menyediakan sokongan penting kepada pakar perubatan dan profesional penjagaan kesihatan yang lain.

Dalam sektor penjagaan kesihatan swasta, Pembantu Perubatan sering berada dalam persekitaran yang dinamik dan pantas. Tugas mereka melangkaui tugas klinikal termasuk berinteraksi dengan pesakit, memastikan aliran operasi yang lancar, dan menyumbang kepada kecekapan keseluruhan kemudahan penjagaan kesihatan.

Bertugas sebagai Pembantu Perubatan di sektor swasta menyediakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan kerjaya. Dengan pengalaman dan latihan tambahan, Pembantu Perubatan boleh memilih untuk mengkhusus dalam bidang tertentu seperti Endoskopi, kardiologi, Nephrologi, Dewan bedah, Unit Mata, Industri perkilangan, Industri Maritim dan Industri minyak & Gas dan boleh bertugas di luar negara dengan kepakaran tertentu.

Kemudahan penjagaan kesihatan swasta selalunya mengutamakan pembangunan profesional, menawarkan peluang untuk melanjutkan pendidikan, bengkel dan pensijilan. Komitmen terhadap pembelajaran berterusan ini meningkatkan kemahiran dan pengetahuan Pembantu Perubatan, memperkasakan mereka untuk mengambil peranan yang lebih mencabar dalam organisasi.

Dengan pengalaman dan pembangunan profesional yang berterusan, Pembantu Perubatan mempunyai potensi untuk melangkah ke dalam peranan kepimpinan dalam organisasi penjagaan kesihatan swasta. Mereka boleh mengambil jawatan penyeliaan, menyelia pasukan PPP, atau beralih ke peranan pentadbiran, pengurusan strategik amalan, Unit-unit khas dan sebagainya.



SWASTA PROFESIONKU

PPP BERKHIDMAT DI SEKTOR SWASTA

| IMEJ | NAMA | JAWATAN | WORKPLACE |
|--|-----------------------------|--|--|
|  | HAIRUL NIZAM CHE HASSAN | LEAD CVUS INDONESIA | GE HEALTHCARE JAKA RTA INDONESIA |
|  | ADI AFFENDY MD ISA | MANAGER & SENIOR CARDIOVASCULAR TECHNOLOGIST | I HEAL MEDICAL CENTER |
|  | MOHD NASYARUDIN BIN MOHAMAD | ASSISTANT MANAGER | PERODUA MANUFACTURING SDN. BHD |
|  | SHAMSURI MOHAMAD | MANAGER OF ECHO LAB | JABER AL AHMED ARMED FORCES HOSPITAL, KUWAIT |
|  | ELEIAS SAYUTI | SENIOR MANAGER & SENIOR PERfusionist | NATIONAL HEART INSTITUTE KUALA LUMPUR |
|  | HASBULLAH HUSIN | MANAGER & SENIOR CARDIOVASCULAR TECHNOLOGIST | PANTAI HOSPITAL SUNGAI PETANI |

SWASTA PROFESIONKU

PPP BERKHIDMAT DI SEKTOR SWASTA

| IMAGE | NAMA | JAWATAN | WORKPLACE |
|---|----------------------------|--|--|
|  | AMIN HAMZAH MUSTAFHA | HEAD OF OPERATION | BAYA MEDIC SDN BHD |
|  | WAN AZHAR WAN ALI | HEAD OF NCL DEPARTMENT | NATIONAL HEART INSTITUTE KUALA LUMPUR |
|  | PATHMANABAN GUNASEKARAN | MANAGER CARDIOVASCULAR TECHNOLOGIST | SUNWAY MEDICAL CENTRE VELOCITY |
|  | MOHD SALMI AWANG ABU | MANAGER SENIOR & CARDIOVASCULAR TECHNOLOGIST | HEART CENTRE NCL & NICLISLAND HOSPITAL, PENANG |
|  | PARTHIBAN SILVARAJOO | ASST MANAGER | EMERGENCY/PHCU TAR PERAK |

Graduan PPP wanita ambilan pertama Berjaya di Sektor Swasta

PPP NOR AMIRAH FUAZI

Tamat latihan: 2009
Kolej: KIST Kelantan

Deputy Manager
A&E Sunway Medical Centre



Kerjaya Cemerlang di Sektor Swasta

PPP KAMARUL AIZAN BIN ABDUL RAHMAN

Manager & Senior Cardiovascular Technologist

Heart Specialist Clinic
Gleneagles Hospital Kuala Lumpur

PPP SAMUDRA LEPAS: BEKERJA DI OFFSHORE

Medik Kawasan (Site Medic) juga dikenali sebagai Medik Luar Pesisir (Offshore Medic), merupakan salah satu cabang Penolong Pegawai Perubatan yang telah lama bertapak di negara kita. Terdapat dua jenis faciliti utama yang memerlukan perkhidmatan Medik Luar Pesisir iaitu, kapal yang bergerak (moving vessel) dan struktur tetap (rigid structure). Kapal yang bergerak termasuklah kapal yang membawa krew kapal, kapal yang membawa bekalan, kapal yang membuat pemantauan, kapal pemprosesan gas dan minyak, kapal gerudi gas dan minyak juga beberapa jenis kapal lain yang memerlukan perkhidmatan kesihatan juga perubatan. Manakala untuk struktur tetap pula adalah, pelantar pengeluar gas dan minyak, pelantar gerudi gas dan minyak, juga pelantar pusat kajian. Secara amnya Penolong Pegawai Perubatan di lautan digelar Medic Offshore.

Antara syarat-syarat wajib bergantung kepada syarikat pemberi khidmat medik luar pesisir adalah seperti berikut;

- **Calon perlulah seorang Penolong Pegawai Perubatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia**
- **Calon wajib memiliki Sijil Pendaftaran Tahunan (ARC) yang belum tamat tempoh.**
- **Calon perlulah berkhidmat 1 hingga 2 tahun di Jabatan Kecemasan & Trauma atau yang setara (bergantung kepada syarat syarikat).**
- **Calon wajib memiliki sijil BLS (Basic Life Support), ACLS (Advance Cardiovascular Life Support), ITLS (International Trauma Life Support)/ ATLS (Advance Trauma Life Support)/ PHCLS (Pre-Hospital Care Life Support); (bergantung kepada syarat syarikat).**
- **Calon perlu memiliki sijil AMRO (Assistant Medical Review Officer)**
- **Calon perlu ada sijil HACCP (Hazard Analysis & Critical Control Points)**
- **Calon harus ada sijil BOSIET (Basic Offshore Safety Induction & Emergency Training)**
- **Calon harus ada sijil CAEBS (Compressed Air Emergency Breathing System)**
- **Calon perlu lulus Laporan Perubatan Luar Pesisir Petronas.**



Medic offshore terbahagi kepada beberapa cabang lain yang boleh dikembangkan. Kita mempunyai Medic Safety iaitu Penolong Pegawai Perubatan yang juga merupakan Pegawai Kesihatan & Keselamatan Perkerjaan di tempat tersebut. Kita ada, Medic RO, Penolong Pegawai Perubatan yang juga operator komunikasi radio di tempat tersebut. Kita juga ada Medic Diver, Penolong Pegawai Perubatan yang menyelia kapal yang menjalankan tugas selaman dan pemantaun di laut lepas.

Tugas utama seseorang medik luar pesisir adalah menjaga dan menyelia semua aspek yang berkait rapat dengan kesihatan dan perubatan di dalam sesuatu fasiliti. Tugasan tersebut termaktub di dalam peranan tugas (Job Discription) kami. Namun pelbagai tugasan sampingan lain yang dimainkan oleh setiap medik. Antaranya, mengawal selia ubatan, mengawal selia keluar masuk krew, mengawal selia bekalan makanan dan kimia, mengawal selia tahap kebersihan, dan uga pelbagai lagi tugasan yang mungkin berbeza bergantung dengan fasiliti mereka ditugaskan.

Untuk yang meminati cabang kerja di lautan ini. PPP perlulah mempunyai persiapan emosi, mental, fizikal dan perkemaskan ilmu kesihatan dan perubatan. Sebagai satu-satunya kakitangan perubatan di dalam satu-satu fasiliti, kita perlu bersedia sepanjang masa untuk apa juga kemungkinan yang mendatang. Berkerja dengan selamat, dan selamat berkerja. Prepare for the worst, pray for the best, always stay positive for the rest.

ANTARABANGSA PROFESIONKU



PENGLIBATAN PROFESION PP DALAM GLOBAL ASSOCIATION OF CLINICAL OFFICERS AND PHYSICIAN ASSOCIATES(GACOPA)

GACOPA merupakan sebuah badan peringkat antarabangsa yang berdaftar di Negara Ghana, yang dianggotai oleh pengamal mid-level healthcare professionals, dikenali sebagai Clinical Officers, Physician Associates, Clinical Assistants, Health Officers, Medical Assistants, Assistant Medical Officers, Health Extension Officers, Doctors Assistants dan lain-lain, di seluruh dunia.

Ketika ini, sebanyak dua puluh buah negara menjadi anggota gabungan GACOPA, seperti Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Kenya, Uganda, Tanzania, Zambia, Malawi, Ghana, Bostawana, Liberia, Sierra Leone, Ethiopia, Rwanda, England, Germany, India dan Malaysia. Manakala ibupejabat GACOPA berpusat di Accra, Ghana.

Persidangan peringkat antarabangsa yang pertama GACOPA, telah diadakan di Accra, Ghana. Delegasi dari pertubuhan gabungan GACOPA serta wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Buroh Antarabangsa (ILO), telah menyertai persidangan ini.



Dalam persidangan selama tiga hari itu empat orang delegasi Malaysia telah membentang atas beberapa tajuk berkaitan dengan profesion Pembantu Perubatan, termasuk pendidikan diperingkat Diploma & Ijazah, Praktis Pembantu Perubatan dan Akta Pembantu Perubatan serta sejarah profesion Pembantu Perubatan. Dalam majlis pentutup pada hari terakhir persidangan, Malaysia telah dipilih sebulat suara menjadi tuan rumah GACOPA, 3rd International Delegates and Scientific Conference.



Persidangan kedua, GACOPA telah diadakan di Kigali, Rwanda pada 4, 5 dan 6 Mac 2020. Seramai empat orang Pembantu Perubatan mewakili Persatuan Pembantu Perubatan Malaysian (PPPM) dan dua orang mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyertai Persidangan kali kedua ini. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi GACOPA yang di adakan pada 3 Mac 2020, PPPM telah secara rasmi diterima menjadi anggota gabungan GACOPA.

ANTARABANGSA PROFESIONKU

PENGANJURAN PERSIDANGAN PERTAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA: 3RD GACOPA INTERNATIONAL DELEGATES AND SCIENTIFIC CONFERENCE 2023, THE EVERLY, PUTRAJAYA, 18-21 JUNE 2023.

Semasa Persidangan GACOPA kali ke-2 di Kigali, Rwanda pada tahun 2020, Malaysia telah diberi hak penganjuran Persidangan GACOPA kali ke-3 yang sepatutnya dijalankan pada tahun 2021. Namun disebabkan serangan wabak COVID-19 yang menyerang seluruh dunia, pengajuran persidangan tersebut ditangguhkan. Akhirnya persidangan GACOPA kali ke-3 berjaya dijalankan dengan jayanya pada 18-21 Jun 2023 di The Everly, Putrajaya.

Penganjuran persidangan GACOPA ke-3 ini merupakan penganjuran yang paling berjaya. Seramai lebih 500 orang peserta dalam dan luar negara telah menghadiri persidangan ini. Sebanyak 11 kertas plenari, 2 Simposium, 1 Forum dan 50 kertas Saintifik telah dibentangkan sepanjang persidangan ini. Persidangan ini menggunakan tema: 'Harmonizing Clinical Officers and Physician Associates Towards Attaining Universal Health Coverage'. YB Menteri Kesihatan Malaysia telah sudi merasmikan persidangan ini.

Di akhir persidangan, Presiden PPPM, Tuan Hj Mustafa Majid telah menyerahkan Resolusi Persidangan kepada Presiden GACOPA, Austin Oduor Otieno. Negara Botswana pula telah dipilih sebagai tuan rumah untuk Persidangan ke-4 GACOPA yang akan diadakan pada tahun 2024.



The banner features the GACOPA logo and the text "www.gacopamalaysia.com.my". It also includes the "First Announcement" badge, the conference title "GACOPA 3rd International Delegates and Scientific Conference", the theme "HARMONIZING CLINICAL OFFICERS AND PHYSICIAN ASSOCIATES TOWARDS ATTAINING UNIVERSAL HEALTH COVERAGE", and details about registration fees: International USD250 (Grand Dinner included), Malaysian PPPM MEMBER : RM700 NON MEMBER : RM800, and Grand Dinner PPPM MEMBER : RM150 NON MEMBER : RM150. It also shows the dates 18th - 21st JUNE 2023 and the venue THE EVERLY PUTRAJAYA, MALAYSIA.



The video screen displays the "GACOPA Working Group" title and a grid of video feeds showing participants from various countries. A list of members is provided, including Marie Meekel (USA), Mary Bhowmik (USA), Alias Mahmud (Malaysia), David Njeru (Kenya), Dominic Weso (Kenya), Ericka Stoor-Burming (USA), George Bwirye (Uganda), James Ofono (Uganda), Lumbani Thonote (South Africa), Lynsey Milcarek (USA), Mulugeta Abebe (Ethiopia), Quinten Driesschen (Netherlands), and Shannon Wilderick (Australia). Below the video screen, three panelists are seated in a row during a discussion.

ANTARABANGSA PROFESIONKU

PENGLIBATAN PROFESION PEMBANTU PERUBATAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA:

INTERNATIONAL ACADEMY PHYSICIAN ASSOCIATE EDUCATORS (IAPAE)

Selaras dengan Teras 6 Pelan Strategik Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan 2023-2025 dan Pelan Perancangan Profesion Penolong Pegawai Perubatan 2016-2030 (Pelan 6P) iaitu Pengukuhan Kerjasama dan Kebolehpasaran Profesion di Peringkat Antarabangsa, profesion PPP telah mengorak langkah dengan melibatkan secara aktif dan melakukan engagement dengan beberapa badan profesional dan persatuan di peringkat antarabangsa.

Antaranya ialah pennglibatan profesion dalam International Academy Physician Associate Educators (IAPAE). IAPAE merupakan persatuan profesional di peringkat antarabangsa yang menumpukan pada latihan dan promosi profesional kesihatan yang terdiri daripada berbagai profesion non-physician atau profesional kesihatan seperti clinical associates, clinical officers, health officers, medical assistants, medical licentiates, physician assistants dan physician associates dari lebih 60 buah negara. Dianggarkan terdapat lebih 650,000 profesional kesihatan dengan pelbagai gelaran dan ijazah ini dari lima wilayah geografi dunia termasuk Afrika, Asia, Eropah dan UK, Amerika Utara, Tengah dan Selatan serta Oceania.

Menyertai 14th Annual IAPAE Conference, Gandhinagar, India 21-24 September 2024.

Persatuan Pembantu Perubatan Malaysia telah terlibat secara aktif dalam aktiviti IAPAE termasuk menghadiri Konferensi tahunan ke-14 IAPAE di Gandhinagar, India pada 21 hingga 24 September 2023. Seramai 4 orang delegasi dari PPPM telah menghadiri konferensi ini. Delegasi

Delegasi Malaysia diketuai oleh Tn Hj Mustafa Majid, Presiden PPPM, En Saiful Lizzan bin Mohammed, Setiausaha Agong PPPM, Dr Alias Mahmud, Pengurus Biro Akademik PPPM dan En Nurhan Norris Ma Weng Chuen, Jawatankuasa Biro pendidikan PPPM.

Sebanyak 1 kertas plenari dan 2 kertas saintifik telah dibentangkan oleh delegasi Malaysia iaitu The Evolution of Medical Assistants Education in Malaysia dan Research Methodological Overview: Understanding Qualitative Research Design for PA and Analogue Education oleh Dr Alias Mahmud dan Open and Distance Learning in Bachelor of Medical and Health Sciences: A Malaysian Experience oleh En Nurhan Norris Ma Weng Chuen.



Projek LOOOP

Selain dari menyertai IAPAE konferensi, Biro Akademik PPPM juga telah menyertai Projek LOOOP (Learning Opportunities, Objective and Outcomes Platform) yang dijalankan oleh IAPAE. Sistem LOOOP ialah platform berdasarkan web untuk pemetaan kurikulum, dan ia telah digunakan untuk memetakan kurikulum secara global. Platform ini bertujuan untuk memetakan dan menilai kandungan kurikulum, format pengajaran, strategi penilaian dan hasil pembelajaran. Matlamat akhir projek ini ialah menwujudkan kurikulum standard untuk semua profesional kesihatan di seluruh dunia.

Penerbitan Artikel

Dr Alias Mahmud, selaku Pengurus Biro Akademik PPPM juga telah terlibat dalam penerbitan artikel oleh sekumpulan penyelidik IAPAE. Artikel berjudul Curricula Mapping of Physician Associate/PhysicianAssistant-Comparable Professions Worldwide Using the Learning Opportunities, Objectives, and Outcomes Platform telah diterbitkan dalam Journal of Physician Assistants Education (JPAE) pada Januari 2024.

Penglibatan Malaysia dalam aktiviti IAPAE ini telah memberi impak besar kepada profesion PP yang mana profesion PP lebih dikenali di peringkat antarabangsa. Selain itu beberapa negara telah menunjukkan minat dan ingin belajar dari Malaysia bagaimana untuk membangunkan profesion mereka di negara masing-masing.

ANTARABANGSA PROFESIONKU

MENEROKA PELUANG PEKERJAAN DI LUAR NEGARA: PARAMEDIK UNITED KINGDOM DAN BAHRAIN



Paramedik di Mohammed Bin Khalifa Bin Salman Al Khalifa Specialist Cardiac Centre, Bahrain

Tahniah kepada 2 PPP iaitu Mohd Iqbal Hakimi, Syarifuddin Daring yang telah ditawarkan sebagai Paramedik di Mohammed Bin Khalifa Bin Salman Al Khalifa Specialist Cardiac Centre. Mereka mula berkhidmat pada bulan Februari 2024. Mereka merupakan kumpulan pertama dalam kalangan PPP yang diterima bekerja di Bahrain.

Manakala seramai 24 orang lagi telah ditawarkan selepas menghadiri temuduga di Kuala Lumpur. Mereka akan berlepas ke Bahrain selepas semua dokumentasi dan syarat di penuhi.

Kejayaan mereka meneroka peluang pekerjaan di Bahrain merupakan satu sejarah kepada profesi PPP. Semoga ia menjadi motivasi kepada semua PPP lain agar dapat mengikuti jejak langkah mereka

Paramedik, London Ambulan Service NHS Trust, London United Kingdom

PPP Mohamad Hafiz Rosli telah mencatatkan sejarah sebagai PPP pertama diterima kerja sebagai paramedik di Paramedik, London Ambulan Service United Kingdom. Beliau telah memulakan kerja di 21 Ogos 2023. Beliau merupakan lulusan Diploma Pembantu Perubatan, Kolej Universiti WIDAD Kuantan dan Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan dan Kesihatan (Kepujian) OUM.



MENJALANKAN PROGRAM SANGKUTAN (LDP) DI NEW ZEALAND

En. Mohd Faris bin Abdul Rashid, Ketua Unit Perkembangan Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dalam Bidang Rawatan Pra Hospital di New Zealand selama 30 hari yang bermula pada 28 September 2023. Latihan ini diselaraskan oleh Hato Hone St John.

Pelbagai program telah dirangka sepanjang Latihan ini dan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai perkhidmatan Hato Hone St John dan diikuti latihan di Pusat Koordinasi Perubatan Kecemasan yang dikenali sebagai *Clinical Communication Centre* (CCC). Tujuan Latihan sangkutan ini ialah untuk beliau mempelajari sistem di yang digunakan di New Zealand dan ini membantu profesion merangka keperluan pembangunan sumber manusia untuk profesion PPP dalam bidang Perkhidmatan pra Hospital di negara ini.

PERKEMBANGAN PROFESSIONKU

ASSISTANT MEDICAL OFFICER TECHNICAL EXPERT (AMOTeX)



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542
Email: anisham@moh.gov.my

Ruj Kami : KKM 600-13/8/6 (46)
Tarikh : 22 Ogos 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/Dato' Indera/Datin Paduka/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PENDAFTARAN ASSISTANT MEDICAL OFFICER TECHNICAL EXPERT (AMOTeX) FASA 1 BAGI PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN DI FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan (LPP) Bil. 67 bertarikh 05 November 2018 bersetuju dan memperakui untuk membangunkan satu bentuk pendaftaran bagi ahli profesi Penolong Pegawai Perubatan (PPP) yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang pengkhususan klinikal.

3. Pendaftaran ini bertujuan mengiktiraf dan mengekalkan PPP dalam bidang-bidang yang mempunyai latihan pos basik dan setara dengannya. Inisiatif ini akan memastikan kesinambungan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dapat disampaikan kepada masyarakat di samping mengelakkan brain drain daripada berlaku disebabkan oleh

Program Assistant Medical Officer Technical Expert (AMOTeX) ini merupakan komponen yang terdapat di dalam teras ke 4, dalam Pelan Pembangunan Profesional Penolong Pegawai Perubatan (6P), dimana ia memberi fokus kepada PPP yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang klinikal (niche area).

Pelaksanaan program AMOTeX adalah merujuk kepada keputusan Mesyuarat Lembaga Pembantu Perubatan Bil. 67, bertarikh 5 November 2018 telah bersetuju untuk membangunkan satu bentuk pendaftaran bagi ahli profesi PPP yang memiliki kemahiran tinggi di dalam bidang pengkhususan.

Melalui inisiatif ini satu surat pelaksanaan pendaftaran AMOTeX Fasa 1 bagi PPP di fasiliti KKM telah dikeluarkan oleh KPK yang bertarikh 22 Ogos 2022 bersama garis pendaftaran AMOTeX sebagai panduan dan sumber rujukan kepada semua anggota kesihatan yang terlibat dengan program AMOTeX untuk memastikan pelaksanaan program ini lebih berkesan.

OBJEKTIF:

- Mengiktiraf ahli profesi PPP yang mempunyai kemahiran tinggi di dalam bidang klinikal (niche area).
- Untuk mengekalkan PPP berkemahiran di dalam bidang klinikal.
- Menyelaras program pembangunan ahli berdaftar yang berkaitan dalam bidang kepakaran secara sistematik dan berterusan.
- Bagi mengekalkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pesakit sentiasa baik dan selamat.

PERKEMBANGAN PROFESSIONKU

ASSISTANT MEDICAL OFFICER TECHNICAL EXPERT (AMOTeX)

SENARAI BIDANG AMOTeX:

- 1 Cardiology
- 2 Cardiovascular Perfusion
- 3 Cardiothoracic Surgery
- 4 Emergency Medicine & Trauma Services
- 5 Nephrology
- 6 Orthopaedic
- 7 Neurophysiology
- 8 Diabetes
- 9 HIV/AIDS Counseling
- 10 Wound Care Management
- 11 Anesthesiology & Intensive Care
- 12 Endoscopy
- 13 Forensic Medicine
- 14 Nuclear Medicine
- 15 Hand & Microsurgery
- 16 Infection Control
- 17 Intensive Care
- 18 Neurosurgery
- 19 Obstetrics & Gynecology
- 20 Oncology
- 21 Otorhinolaryngology
- 22 Ophthalmology
- 23 Plastic & Reconstructive Surgery
- 24 Sport Medicine
- 25 Psychiatry & Mental Health
- 26 Radiotherapy & Oncology
- 27 Respiratory
- 28 Urology
- 29 Adolescent Health Programs
- 30 Gerontology
- 31 Epidemiology
- 32 Men's Health Programs
- 33 Primary Health Care
- 34 TB/Leprosy



SENARAI TOKOH PROFESIONKU

| TAHUN | TOKOH HARI PEMBANTU PERUBATAN | TOKOH HARAPAN | ANUGERAH KHAS | SINAR PERMATA |
|-------------|---|-------------------------|----------------------|---|
| 2012 | Hj Hassan bin Ahmad Hj Idris Md Noor Hj Mohd Esa bin Hitam | | | |
| 2013 | En Mohd Azmi bin Osman En Mansor J.A Fenner@Aziz En Leong Wii | | |  |
| 2014 | Hj Mohd Radzi Abdullah En C. Perumal Hj Yusof bin Basrah | | | TOKOH PEMBANTU PERUBATAN 2023 |
| 2015 | Hj Mohd Diah Koleh Hj Azizan (JKN Kedah) En Nip Sapien | Alias Mahmud | |  |
| 2016 | Hj Amit Amat En Thangerveloo Rizal Osai | | | TOKOH HARAPAN 2023 |
| 2017 | Taram Singh Walia | Hamizal bin Hamid | | |
| 2018 | Khoo Beng Heng | Mohammad Sukri bin Umar | | |
| 2019 | Hj Mohd Ghani Mat Awang | Hasrizal | Hj Mustafa Abd Majid | |
| 2022 | Hj Abu Bakar Lajis | En Ahmad Fauzi Md Shah | Hj Zafri Yusoff |  |
| 2023 | Abd Karim Mustafa | Kuyilan a/l Muthusamy | | TOKOH SINAR PERMATA 2023 Unit Penyeliaan PPP, Hosp Ampang |

PEMIMPIN PROFESIONKU

KETUA PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA (SETIAUSAHA LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA)



Haji Tik Bin Abdul Hamid
1979 – 1981



Saidin Bin Ismail
1981 – 1982



Hj Md Lassim Bin Abdullah
1982 – 1992



Hj Salleh Bin Salim
1992 – 1995



Hj Hassan Bin Ithnin
1996 – 2002



Haji Hassan Bin Haji Ahmad
2002 – 2003



Mohd Azmi Bin Othman
2003 – 2004



Haji Hassan Bin Haji Ahmad
2004 – 2007



Haji Siri Bin Narudin
2007 – 2014



Haji Johari Bin Haji Zakaria
2014 – 2015



Dr. Md Zaki Bin Othman
2015 – 2021



Joseph Bin Kajangan
2021 – 2021



Zulhelmi Bin Abdullah
2021 – KINI



Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Amalan Perubatan
Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan
Aras 6, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

KEPIMPINAN TINGGI PPPM & KKPPPSM



KESATUAN KEBANGSAAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN SEMENANJUNG MALAYSIA

| TEMPOH | SENARAI PRESIDEN |
|-----------|-------------------------------|
| 1961-1963 | KANTAR SINGH |
| 1963-1969 | HJ WAN DIN BIN WAN MAHMUD |
| 1969-1970 | HJ ISMAI BIN HJ RAFFAEI |
| 1970-1971 | HJ RADZI BIN HJ MD JALI |
| 1971-1973 | KHOO ENG KIM |
| 1973-1975 | HJ ABD. RASHID BIN HJ AHMAD |
| 1975-1979 | HJ JOHARI BIN HJ IBRAHIM |
| 1979-1999 | HJ MOHAMED ESA BIN HITAM |
| 1999-2003 | MUSTAFA BIN ABD MAJID |
| 2003-2007 | HJ IDRIS BIN HJ MOHD NOR |
| 2007-2009 | HJ ABDUL HADI BIN HJ ISMAIL |
| 2009-2011 | TARAM SINGH WALLIA |
| 2011-KINI | HJ MOHD. ZABIDI BIN MOHD TAHA |



PERSATUAN PEMBANTU PERUBATAN MALAYSIA

| TEMPOH | SENARAI PRESIDEN |
|------------|---------------------------|
| 1986-1987 | MOHAMED ESA BIN HITAM |
| 1988-1989 | HAMDEN P. BADRY |
| 1990-1991 | HJ MOHAMED ESA BIN HITAM |
| 1992-1993 | HAMDEN P. BADRY |
| 1994-1995 | HJ MOHAMED ESA BIN HITAM |
| 1996-1997 | C. PERUMAL A/L CHINAYA |
| 1998-1999 | HJ MOHAMED ESA BIN HITAM |
| 2000-2001 | C. PERUMAL A/L CHINAYA |
| 2002-2004 | HJ HASSAN BIN ITHNIN |
| 2005-2006 | MOHD RADZI BIN ABDULLAH |
| 2007-2008 | HJ HASSAN BIN HJ AHMAD |
| 2009-2010 | HJ IDRIS BIN HJ MOHD NOR |
| 2011-2012 | HAMZAH BIN ABDUL GHANI |
| 2013-2014 | HJ MUHAMAD DIAH BIN KOLEH |
| 2015-2016 | HJ MUSTAFA BIN ABD MAJID |
| 2017-2018 | HJ YAHAYA BIN JAAFAR |
| 2019- KINI | HJ MUSTAFA BIN ABD MAJID |



IKRAR PEMBANTU PERUBATAN

Kami Pembantu Perubatan Malaysia; dengan penuh kesedaran dan tanggungjawab;

Berikrar akan:

- Mengamalkan ilmu perubatan secara profesional dan beretika;
- Merawat bagi menyelamatkan nyawa serta mencegah berlakunya komplikasi;
- Mengamalkan nilai-nilai penyayang, profesionalisma dan kerja berpasukan;
- Sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan diri;
- Menghormati budaya dan hak asasi masyarakat sebagai insan; serta
- Memelihara dan memartabatkan profesi Pembantu Perubatan demi kesihatan masyarakat dan kesejahteraan sejagat.



LAGU PROFESIONKU

PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN BERJAYA

Terbitmu di Negara Malaysia
Memberi Sinar dalam Kegelapan
Diasuh dilatih dibentuk Mulia
Bekal Kemudi dalam Perkhidmatan

Rela Berkhidmat dimana jua
Hutan Belantara sedia dirasa
Ombak dan badai diharung biasa
Nyawa tergadai tidak terasa

*Chorus

Jangan Ikutkan rasa dihati
Kelak impian tinggal simpati
Bertekad terus berjuang jati
Sampai kita dihormati

Jika kami terus berusaha
Pantang Mundur sebelum berjaya
Wawasan KKM Asas Usaha
Penolong Pegawai Perubatan Berjaya.





Sehat Jobs



INTERVIEWS IN
MARCH 2024

JOB OPPORTUNITIES FOR PARAMEDICS IN BAHRAIN

In Partnership with:



Our client Royal Medical Services Bahrain is looking to hire
Malaysian Paramedics to work in their hospitals.

Please send your CV for shortlisting.

REQUIREMENTS

1. Bachelor's Degree in relevant field; Adv. Diploma holders may be considered if solid working experience
2. Minimum 5 years' experience as a Paramedic in a hospital setting
3. Registered with the Malaysian Medical Assistant Board
4. Able to communicate in English

BENEFITS

1. Salary of BD1,323 or approximately RM16,600.00 per month
2. Housing & Transport Allowance BD160 or approximately RM2,000 per month
3. 40 days annual leave
4. Free flight ticket and 100 kg baggage/cargo allowance
5. Bring your spouse and/or family with you

To apply, submit CV to wecare@sehatjobs.com or WhatsApp your CV to +60127843944



**PERSATUAN
PEMBANTU PERUBATAN
MALAYSIA
(PPPM)**

www.pppmalaysia.com

